

# PENGAMBILAN APRIL 2017

## TAWARAN UNTUK MENGIKUTI **PROGRAM INKUBATOR USAHAWAN BELIA TANI**

DI PUSAT INKUBATOR JABATAN  
PERTANIAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Pemohon adalah dipelawa untuk mengikuti Program Inkubator Usahawan Belia Tani Jabatan Pertanian (Bidang Tanaman) di tiga (3) Pusat Inkubator. Latihan ini akan dijalankan selama lapan (8) bulan secara "hands-on" di dalam bidang tanaman. Kursus ini akan bermula pada **4 April 2017**. Pemohon mestilah daripada golongan yang berminat untuk bekerja sendiri sebagai usahawan tani selepas diberi latihan.

### SYARAT-SYARAT PEMOHON

- (i) Warganegara Malaysia berumur di antara 21 hingga 40 tahun pada masa program bermula (kecuali pesara tentera / polis) DAN
- (ii) Berkelulusan Minima SPM atau SPMV atau yang setaraf dengannya. Keutamaan diberi kepada lepasan Institut Pertanian Malaysia, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Bidang Tanaman, graduan IPTA / IPTS dalam bidang pertanian dan belia-belia yang mempunyai pengalaman mengusahakan projek pertanian komersil atau perniagaan.

### TEMPAT LATIHAN DAN KEMUDAHAN

Program ini dijalankan di tiga (3) Pusat Inkubator iaitu :

1. Institut Pertanian Kuala Lipis (IPKL), Pahang.
2. Institut Pertanian Titi Gantong (IPTG), Perak.
3. Pusat Latihan dan Pembangunan Pengembangan (PLPPWT), Besut, Terengganu.

### TEMPAT TEMUDUGA

Pemohon diminta memilih satu (1) tempat dari senarai berikut:

1. Serdang, Selangor
2. Ayer Hitam, Johor
3. Ipoh, Perak
4. Teluk Chengai, Kedah
5. Kuantan, Pahang
6. Lundang, Kelantan
7. Kuala Terengganu, Terengganu

### CARA PERMOHONAN

Borang permohonan boleh didapati di Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pertanian, Putrajaya atau di Pusat-Pusat Inkubator Usahawan Belia Tani atau di Institut-Institut Pertanian atau di Jabatan-Jabatan Pertanian Negeri atau dimuat turun melalui laman Web Jabatan Pertanian di [www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my) atau hubungi di talian **03-88703228/3261/3030**.

### MAKLUMAN

Temuduga akan diadakan pada bulan **MAC 2017**. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 1 bulan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**. Tidak ada surat menyurat akan dibuat mengenainya dan pemilihan adalah muktamad.



**SILA MAJUKAN BORANG YANG TELAH LENGKAP DIISI KEPADA:**

**PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA  
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA  
ARAS 13, NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,  
62624 PUTRAJAYA  
(U.P: Timbalan Pengarah Seksyen Latihan Kemahiran)**

atau email ke alamat seperti berikut :-  
[inkubatorskm@gmail.com](mailto:inkubatorskm@gmail.com) / [rani@doa.gov.my](mailto:rani@doa.gov.my)

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN  
ADALAH PADA  
6 MAC 2017**